

UNTUK SIARAN SEGERA / 27 OGOS 2025

KENYATAAN MEDIA

PERSIDANGAN ANTARABANGSA WORLD ZAKAT AND WAQF FORUM (WZWF) 2025 : KERJASAMA STRATEGIK MENERUSI DANA TAJAAN PEMACU AGENDA GLOBAL ZAKAT DAN WAKAF

Mesyuarat Tahunan dan Persidangan Antarabangsa *World Zakat and Waqf Forum* (WZWF) ke-14 akan berlangsung pada 13 hingga 15 Oktober 2025 di Hikmah Exchange Event Centre, Kuching, Sarawak. Majlis bersejarah ini diadakan bersempena Ulang Tahun Ke-70 Majlis Islam Sarawak dan akan dirasmikan oleh Premier Sarawak, YBhg. Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari pada hari pertama persidangan.

Forum ini turut akan dihadiri oleh YAB Datuk Seri Anwar Bin Ibrahim yang akan menyampaikan sesi ucapan pada hari terakhir forum sekali gus **menegaskan kepimpinan Malaysia dalam memposisikan zakat dan wakaf sebagai pemangkin pembangunan inklusif dan mampan di peringkat global.** Kemuncak acara ini adalah Deklarasi Kuching yang akan diumumkan oleh Setiausaha Agung WZWF sebagai tanda komitmen bersama komuniti antarabangsa.

Majlis pada hari ini adalah signifikan kepada usaha kolaborasi antara pihak penganjur bersama para penyokong WZWF 2025. Majlis penyerahan hari ini telah disaksikan oleh YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) merangkap Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah YWM yang menzahirkan komitmen padu Kerajaan Malaysia dalam memperkasa kewangan sosial Islam.

Antara penaja utama bagi penganjuran majlis ini adalah **Kumpulan MBSB, Yayasan Waqaf Malaysia (YWM), Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK), BERNAS, Malaysian Kuwaiti Investment Co. Sdn Bhd (MKIC), Pusat Pungutan Zakat – MAIWP (PPZ-MAIWP), dan Yayasan Infaq ANGKASA.** Persidangan ini turut disokong oleh Association of Shariah Advisors in Islamic Finance (ASAS) sebagai Rakan Ilmu. Sokongan ini akan memastikan keberhasilan perhimpunan pemimpin global, pembuat dasar, sarjana dan pengamal industri zakat dan wakaf dari seluruh dunia. Peluang tajaan bagi WZWF 2025 masih dibuka kepada rakan strategik lain.

WZWF kali ini dianjurkan bersama oleh Kerajaan Sarawak, Majlis Islam Sarawak (MIS), dan Tabung Baitulmal Sarawak (TBS) yang juga bertindak sebagai penaja utama. Kolaborasi ini menandakan pencapaian bersejarah Sarawak dalam memposisikan diri sebagai peneraju tadbir urus zakat dan wakaf progresif di peringkat nasional dan antarabangsa. Penganjuran WZWF 2025 juga bertepatan dengan sambutan 70 tahun Majlis Islam Sarawak sebagai institusi utama dalam memajukan hal ehwal Islam di negeri ini.

WZWF 2025 turut bakal menerima penyertaan perwakilan dari pelbagai negara termasuk **Afrika Selatan, Australia, Kanada, Hong Kong, Bangladesh, Arab Saudi, Bosnia dan Herzegovina, Nigeria, Liberia, Sierra Leone serta negara-negara ASEAN**. Kehadiran mereka memperkukuhkan lagi posisi forum ini sebagai platform global terkemuka dalam memperkasa peranan zakat dan wakaf di era digital.

Menurut Setiausaha Agung WZWF, YBhg. Datuk Dr. Mohd Ghazali Md Noor, penajaan ini mencerminkan semangat inovasi dan keterangkuman semua pihak untuk transformasi masa depan zakat dan wakaf di setiap peringkat. Manakala YBr. Dr. Ridzwan Bakar, Ketua Pegawai Eksekutif YWM pula berkata YWM berbangga berada di barisan hadapan platform global ini. Dengan WZWF, YWM berhasrat memperkukuh kerjasama antarabangsa, membuka potensi wakaf sebagai instrumen mampan, serta meningkatkan keyakinan penyumbang, penerima manfaat dan rakan global.”

Dengan tema **“Wakaf & Zakat Global Baharu - Penyelesaian Inovatif bagi Cabaran Kontemporari dan Pembangunan Sosioekonomi serta Digital Masa Hadapan”**, WZWF 2025 akan menampilkan sesi pleno oleh pakar, perbincangan dasar, bengkel interaktif dan Sesi Pertukaran Solusi yang memberi tumpuan kepada perbincangan mengenai transformasi digital, pelaburan berimpak serta kerjasama rentas sempadan bagi pembangunan sektor kewangan Islam khususnya zakat dan wakaf.

Forum ini bukan sahaja medan perbincangan, malah berperanan sebagai **pemangkin idea baharu, pembangunan inklusif dan perkongsian transformatif** seterusnya memperkukuhkan zakat dan wakaf sebagai instrumen penting dalam persekitaran sosioekonomi global.

-TAMAT-

Yayasan Waqaf Malaysia
27 Ogos 2025



Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi:

Sekretariat WZWF :

Encik Rizal Kamaruzzaman
Setiausaha Eksekutif WZWF
execsec@wzwf.ai

Nik Faruk Nik Mohd Fadzil
Pengarah Majlis
nikfaruk@bujangventures.com

YWM :

Cik Haidatul Azia binti Husin
Pengurus Bahagian Pemasaran dan
Korporat
Yayasan Waqaf Malaysia
019-3883395 | azia@ywm.gov.my

MAKLUMAT WORLD ZAKAT AND WAQF FORUM (WZWF)

World Zakat and Waqf Forum (WZWF) ialah sebuah platform global yang memperjuangkan gerakan zakat dan wakaf sebagai instrumen dinamik bagi keadilan sosial, pemeraksanaan ekonomi dan pembangunan mampan. Ia mula dicetuskan di Malaysia pada tahun 2007 semasa Persidangan Zakat Antarabangsa, dan dimuktamadkan melalui Mesyuarat Tahunan serta Persidangan Antarabangsa pertama pada tahun 2010, dengan nama asalnya World Zakat Forum. Pada tahun 2022, di Leeds, United Kingdom, elemen wakaf secara rasmi digabungkan dalam mandatnya—menandakan evolusi penting dan lahirlah identiti baharu sebagai World Zakat and Waqf Forum (WZWF).

Sejak penubuhannya, WZWF telah berkembang sebagai platform pertemuan global utama, menghimpunkan ahli institusi dan individu dari 43 buah negara di Asia, Afrika, Eropah dan Amerika. Keahlian merangkumi kerajaan, pihak berkuasa zakat dan wakaf, institusi kewangan, para sarjana, pertubuhan masyarakat sivil serta pemimpin industri. Kepelbagaian ini membolehkan WZWF merentasi pelbagai konteks ekonomi—daripada negara berpendapatan tinggi hingga rendah—dengan misi bersama: memperkasa umat, membasmi kemiskinan dan memacu kemakmuran inklusif melalui inovasi bersama, dasar strategik dan tindakan berimpak.

Selain mesyuarat tahunan dan persidangan antarabangsa, WZWF turut memperkukuh kapasiti ahli-ahlinya melalui perkongsian ilmu, penyelidikan, pembangunan keupayaan dan jalinan kerjasama strategik. Program-programnya menumpukan kepada pengukuhan tadbir urus, menggalakkan inovasi serta mempromosi integrasi zakat dan wakaf dalam agenda pembangunan negara dan global. Dengan itu, WZWF berpegang dengan prinsip bahawa zakat dan wakaf ialah instrumen kewangan sosial Islam abadi yang kekal relevan dalam membentuk penyelesaian semasa bagi sebuah masyarakat dunia yang adil, berdaya tahan dan berilmu.

Sekretariat WZWF yang berpusat di Kuala Lumpur, Malaysia, berperanan sebagai pusat penyelarasan, kerjasama, advokasi serta pusat penyatuan pihak berkepentingan global dalam usaha memperluas impak zakat dan wakaf demi kesejahteraan manusia sejagat.